

Kaum pendidik perlu kuasai IT — PM

UM 17 MAY 2000

IPOH 16 Mei — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mahu para guru menguasai bidang teknologi maklumat (IT) selaras dengan usaha kerajaan untuk melengkapkan rakyat negara ini dengan kecekapan yang diperlukan untuk Zaman-K atau Zaman Pengetahuan.

Perdana Menteri berkata, kerajaan sudah mewujudkan beberapa sekolah bestari yang memerlukan penggunaan komputer dan Internet dengan meluas.

“Amatlah malang jika kerajaan membelanjakan wang yang banyak untuk sekolah bestari tetapi kita tidak mendapat manfaat kerana kekurangan guru bestari.

“Saya berharap semua guru akan bersiap sedia untuk mengajar dalam sekolah bestari kerana kerajaan berhasrat menjadikan semua sekolah di negara ini sekolah bestari,” katanya ketika berucap merasmikan perayaan Hari Guru Peringkat Kebangsaan 2000 di sini.

Dr. Mahathir berkata, peranan guru adalah penting dalam menyediakan warganegara yang mampu menangani zaman IT.

Katanya, ini kerana tanpa kecekapan dalam bidang IT, rakyat akan ketinggalan zaman dan dikuasai oleh bangsa-bangsa yang cekap memperalatkan IT untuk menguasai ilmu, kecekapan, ekonomi, politik dan budaya dunia.

Beliau berkata, hari ini pun negara ini sudah dikuasai sedikit sebanyak dalam bidang-bidang tertentu dan perubahan ni-

lai-nilai kemasyarakatan kerana mudahnya sebaran melalui satelit, Internet dan televisyen.

Menurutnya, banyak daripada sebaran melalui satelit dan Internet yang terdedah kepada rakyat negara ini sekarang adalah tidak sihat.

Contohnya, kata beliau, ialah budaya ‘hedonis’ asing iaitu hidup untuk keseronokan semata-mata tanpa beradab dan bermoral, yang kini secara langsung dan tidak langsung dipromosikan oleh pihak tertentu yang boleh merosakkan jati diri rakyat.

Menurutnya, sehingga ini tidak ada teknologi yang boleh menyekat atau menapis pengedaran bahan lucah dan bermacam-macam budaya yang boleh mengkhayalkan melalui Internet.

Sehubungan itu, beliau menegaskan, rakyat perlu bergantung kepada nilai-nilai dan budaya mereka terutama disiplin diri untuk menangkis serangan budaya asing ke atas mereka.

“Sekali lagi saya ingin tekankan betapa pentingnya kita menyemai dan mempertahankan budaya kita. Hanya ketabahan hati dan disiplin yang kuat sahaja yang boleh menolong kita menolak budaya hedonis asing ini,” tambahnya.

Oleh itu, katanya, rakyat perlu menyemai nilai-nilai disiplin yang tinggi di kalangan kanak-kanak negara ini.

Dr. Mahathir berkata, contoh yang terbaik dalam usaha melawan sesuatu yang dianggap tidak baik ialah dengan menanam-

kan perasan jijik kepada sesuatu seperti orang Melayu menolak babi sebagai makanan.

Perasaan jijik terhadap babi, begitu menebal di kalangan orang Melayu sehingga mereka menolaknya sebagai sebahagian daripada nilai hidup dan budaya mereka.

Beliau berkata, begitu juga jika rakyat menyemai di kalangan murid dan belia mengenai persepsi yang sama terhadap sesetengah ‘kekotoran’ yang boleh diperoleh daripada Internet, maka individu itu sendiri akan menapis yang tidak baik dengan yang baik.

Menurutnya, penyemai-an dan persepsi ini memerlukan perhatian dan tindakan oleh guru-guru dalam menyediakan generasi akan datang dengan daya ketahanan yang diperlukan.

Saintis-saintis negara ini, ujarnya, perlu mencari dan mencipta alatan yang boleh menapis kekotoran di Internet dan televisyen.

“Jika kita gagal mendirikan budaya yang menolak kekotoran dalam maklumat yang kita terima melalui alat-alat hebahan maklumat, besar kemungkinan kita juga akan mengamalkan budaya hedonis suatu hari nanti.

“Budaya kita akan merosot dan hilanglah jati diri dan tamadun yang telah kita bina.

“Kita akan rnenjadi sama seperti penagih dadah yang tidak dapat menyumbang sesuatu apapun kepada kemajuan dan pembangunan masyarakat,” tambahnya.